

Headline	Buku FRIM dapat anugerah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	N11	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	166 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,598
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,795



Buku FRIM dapat anugerah

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) diumumkan penerima Anugerah Buku Negara Kategori Buku Teknikal Terbaik menerusi penerbitan buku, *Wild Orchid of Peninsular Malaysia*.

Pegawai Media Unit Pengurusan Korporat FRIM, Toh An Nee, berkata buku itu lengkap dan padat dengan maklumat menarik yang memuatkan kekayaan pelbagai jenis orkid yang boleh ditemui di negara ini.

"Buku ini memperkenalkan lebih daripada 450 spesies orkid liar Semenanjung Malaysia dan maklumat penemuan baru dalam bidang seperti pendebungan dan fungsi nurseri serta makmal FRIM, selain membincangkan isu perundungan berkaitan pemuliharaan mahupun ancaman terhadap spesies orkid liar.

"Penerbitan ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan ahli botani FRIM yang terbabit dalam pelaksanaan projek dokumentasi, *Flora of Peninsular Malaysia* yang dilaksanakan sejak 2005," katanya dalam satu kenyataan.

Wild Orchid of Peninsular Malaysia

karya Ong Poh Teck, Peter O'Byrne, Wendy Yong dan Dr Saw Leng Guan.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, ini adalah kali ke-2 FRIM memenangi anugerah itu selepas menerimanya pada 2010 menerusi penerbitan, *FRIM Tapak Warisan Semula Jadi Negara*.

"FRIM akan meneruskan usaha untuk menghasilkan lebih banyak penerbitan menarik dan mudah dibaca untuk berkongsi pengetahuan, penemuan saintifik serta maklumat lain dengan orang ramai," katanya.

